

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/1/2017

Muka surat: 14

Tajuk : UNIMAS jalin MoU dengan universiti dari Pakistan

## UNIMAS jalin MoU dengan universiti dari Pakistan

**KUCHING:**Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam telah menjalinkan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Qurtuba Universiti Sains dan IT, Pakistan.

Menurut kenyataan akhbar semalam, antara isi kandungan MoU tersebut adalah untuk menandakan hubungan baharu bagi menguat, menggalak dan membangunkan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam bidang sains dan ICT.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi mewakili UNIMAS pada majlis MoU tersebut manakala Qurtuba Universiti Sains dan IT telah diwakili oleh Pengerusinya Dr Muhammad Azhar Khan Niazi.

Majlis turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UNIMAS Dr Johari Abdullah dan Ketua Jabatan dan Penolong Pro-

fesor Jabatan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Kejuruteraan Qurtuba University Dr Imran Ullah Khan.

Kadim berkata MoU tersebut menandakan satu permulaan baharu untuk UNIMAS dan Universiti Qurtuba memupuk kerjasama yang aktif dalam bidang pendidikan pelajar dan pertukaran kakitangan, penyelidikan, pembangunan kurikulum dari kawasan lain.

“Kerjasama antara UNIMAS dan pihak luar telah berlangsung selama bertahun-tahun dan ini adalah untuk memastikan bahawa UNIMAS kekal berhubung dengan pihak berkepentingan terutama masyarakat berkaitan dengan kurikulum dan menggunakan kepakaran penyelidikan kami untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakat,” katanya.

Menurut Kadim lagi, ICT memainkan peranan yang penting dalam pembangu-

nan negara dan ekonomi, dengan itu, terdapat potensi yang besar untuk produk dan perkhidmatan ICT di pasaran global dan perlu bagi pihaknya untuk meletakkan penekanan terhadapnya.

Beliau juga mendedahkan bahawa UNIMAS komited untuk melahirkan graduan cemerlang dan holistik yang dapat memenuhi keperluan industri, masyarakat dan negara.

“UNIMAS telah terlibat secara aktif dalam merapatkan jurang digital melalui beberapa inisiatif seperti projek eBario, Elamai dan eBa’kelalan. Projek-projek ini dilakukan melalui pusat penyelidikan kami, Institut Sosial Inovasi dan Teknologi Inovasi (ISITI).

“Oleh itu, saya percaya ini satu lagi bidang kerjasama yang kita boleh berkongsi kepakaran dari segi merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat di kawasan luar bandar,” katanya.